

#-s'  
<\*■'Jy

# PARLIMEN MALAYSI A

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

HARIISNIN : 31 OKTOBER 2011

CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN

MALAYSIA.

A  
J\*



PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : TUAN SALLEH BIN KALBI  
KAWASAN

TARIKH : S1LAM : 31.10.2011 (ISNIN)

NO. SOALAN : JMf \

TUAN SALLEH BIN KALBI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan usaha yang dilakukan:

- (a) untuk menarik pelaburan semula pelaburan asing di negara ini bersesuaian dengan sentimen pasaran Malaysia yang amat baik ketika ini; dan
- (b) untuk menarik lebih banyak perniagaan peruncitan asing memasuki Malaysia seperti mana percambahan industri peruncitan di Hong Kong.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia terus kekal sebagai destinasi untuk pelaburan asing yang kompetitif termasuk untuk pelaburan semula oleh pelabur- pelabur asing yang sudah melabur di Malaysia. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan Malaysia terus kekal sebagai sebuah destinasi pelaburan yang kompetitif untuk pelaburan asing (FDI). Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi menggalakkan pelaburan semula adalah:

- menjadikan M1DA sebagai agensi penqgalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MI DA juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time”<sup>3</sup> ketika berunding dengan pelabur yang sedang beroperasi di Malaysia;
- memperkenalkan “pendekatan berfokus” atau “*targeted approach*”, dengan izin, di samping penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D seperti Agilent Technologies. Philip Lumilex, AMD dan Sony:

- memberikan tumpuan khusus kepada svarikat terkemuka yang telah dikenalpasti dalam sektor bernilai tambah tinggi, industri berasaskan pengetahuan dan berteknologi tinggi;
- menggalakkan sektor industri baru muncul ataupun *emerging industry*; dengan izin, seperti advanced electronics dan semikonduktor, peralatan dan peranti perubatan, sumber tenaga alternatif dan tenaga solar, fotonik, optoelektronik, teknologi nano, jentera dan industri sokongan kejuruteraan terkini;
- menganjurkan Specific Project Mission (SPM) untuk menarik pelaburan semula daripada industri-industri yang dikenalpasti berpotensi untuk masa hadapan;
- mewujudkan Perkhidmatan Juru Runding (*Special Business Advisors*) yang terdiri daripada personaliti terkemuka di dalam industri-industri yang dicalakkan termasuk daripada universiti-universiti dan institusi-institusi penvelidikan luar negara untuk membantu dan membuka peluang bekerjasama dengan svarikat-svarikat utama yang sudah beroperasi di Malaysia;
- menawarkan Skim Galakan Istimewa (*prepackaged incentive*) termasuk untuk pelaburan semula yang mengandungi pelbagai jenis galakan berbentuk fiskal dan bukan fiskal mengikut keperluan industri seperti industri yang strategik, bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti

sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, fotonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia; dan

- menambahbaik sistem penvampaian Keraiaan dan mengurangkan kos untuk menialankan perniagaan di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi sektor perkhidmatan termasuk sub-sektor peruncitan. pelbagai inisiatif juga telah dilaksanakan oleh Keraiaan bagi mempromosi dan menggalakkan FDI ke dalam sektor berkenaan. Sub-sektor peruncitan merupakan salah satu penyumbang paling signifikan kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK).

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menarik lebih banyak FDI dalam sub-sektor peruncitan seperti pemansuhan syarat pemegangan ekuiti asing terhadap semua jenis peruncitan kecuali hypermarket. Inisiatif meliberalisasikan pasaran secara progresif ini telah diambil oleh Kerajaan bagi tujuan meningkatkan persaingan dalam industri peruncitan negara.

Selain itu, pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan usaha komprehensif Kerajaan untuk



mentransformasikan sub-sektor peruncitan di Malaysia. Antara sasaran Keraiaan adalah menawarkan sebanyak 364,000 peluang pekerjaan dalam sub-sektor tersebut menjelang tahun 2020.

Beberapa Entry Point Projects (EPPs), dengan izin, di bawah sub-sektor pemborongan dan peruncitan telah dirangka dan turut mendapat penqlibatan pelabur asing. Antara projek yang dikenalpasti adalah:

- Pembukaan Big Box Boulevard (BBB) yang membawa konsep “pusat membeli-belah” terunggul dan berintegrasi untuk semua dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.7 bilion;
- Pembukaan Resort Sejahtera (Wellness Resort) di Mines Resort di mana satu kawasan bersepadu yang merangkumi semua aspek kesihatan dan kecantikan disatukan di dalam satu kawasan resort berskala besar dengan nilai pelaburan sebanyak RM3 bilion; dan
- Pelaksanaan projek ATOM, (Automotive Workshop Modernisation) yang bertujuan untuk memodenkan dan menaubahsuai industri bengkel automotif (automotive workshop industry).



SOALAN(2)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH 31 OKTOBER 2011 (ISNIN )  
DARIPADA Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]

SOALAN

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah pemaju yang gagal membentuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) dalam tempoh yang diperuntukkan undang-undang dan apakah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2011, terdapat sejumlah **5,081 (39.3%)** kawasan pemajuan yang **belum menubuhkan**

**JMB/MC** seperti mana disyaratkan di bawah Seksyen 4, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

Antara faktor yang dikenalpasti ialah:

- i) Kategori kawasan pemajuan yang kecil dan tidak sesuai diadakan mesyuarat AGM seperti *townhouse* (3 pemilik), rumah kedai bertingkat (kurang 10 pemilik);
- ii) Bangunan belum diduduki sepenuhnya oleh pemilik; dan
- ii) Bangunan digunakan bagi tujuan lain seperti disewakan kepada pekerja-pekerja kilang/pelajar.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tetap mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kegagalan pemaju menubuhkan JMB/MC. Sehingga kini, sejumlah empat (4) Kertas Siasatan telah disediakan untuk tujuan pendakwaan dan 170 Notis Amaran telah dikeluarkan.

Soalan No : 3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN (KOTA BELUD)
------------------------	----------------------------------------------------------------

TARIKH	31.10.2011
--------	------------

**SOALAN:**

Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [ KOTA BELUD ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapakah masih ada Guru-guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di Sabah yang masih belum diambil bekerja secara tetap walaupun Kementerian sudah berjanji.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 18 Ogos 2011 seramai 7,920 orang telah dilantik semula sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di seluruh negara termasuk di Sabah. Dari jumlah itu, seramai 1,258 orang sedang mengikuti Kursus Dalam Cuti melalui mode KPLI-KDC ataupun KDPM-KDC. Manakala 862 orang yang telah ditawarkan tidak melaporkan diri untuk bertugas. Kesemua yang telah dilantik ini adalah memenuhi syarat-syarat asas yang telah ditetapkan oleh Kementerian iaitu berumur kurang 35 tahun pada tahun 2010, berkhidmat sekurang-kurangnya dua (2) tahun termasuk pada tahun 2010 dan memenuhi syarat-

**syarat lantikan Anggota Perkhidmatan Awam.**

Bagi negeri Sabah, sehingga **30 September 2011**, seramai **516** orang telah dilantik semula sebagai GSTT, manakala selebihnya akan ditawarkan terus untuk mengikuti latihan di Institut Pendidikan Guru (IPG) mulai Januari 2012.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, tawaran untuk mengikuti kursus-kursus di IPG bergantung kepada syarat-syarat asas mengikuti latihan perguruan seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Kementerian sedang merancang untuk menyediakan lagi sejumlah **7,508** tempat bagi semua GSTT yang telah dilantik untuk dilatih mulai Januari 2012 melalui mod sepenuh masa di bawah KPLI-SR, KPLSPM dan Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI).

NO. SOALAN: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB  
(KUBANG KERIAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 31 OKTOBER2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang dikategorikan sebagai golongan '*expatriate*' yang masih bekerja di luar negara. Nyatakan berapakah jumlah yang masih berada di luar negara dan jumlah mereka yang telah berjaya dibawa pulang ke tanah air untuk meneruskan kerjaya mereka di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana ahli yang berhormat sedia maklum, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah ditubuhkan untuk membantu dalam usaha memenuhi keperluan tenaga kerja mahir bagi mencapai aspirasi negara selaras dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) menjelang 2020. Antara lain, TalentCorp diberi mandat untuk turut menjangkau golongan '*expatriate*' Malaysia yang masih bekerja di luar negara sebagai salah satu golongan sasaran tenaga kerja mahir negara.

3. S  
ehubungan itu, salah satu daripada usaha TalentCorp untuk menjangkau golongan '*expatriate*' Malaysia yang masih bekerja di luar negara termasuklah pelaksanaan program *Returning Expert* (REP). Program tersebut telah ditambah baik dengan insentif-insentif baru seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 April 2011.

4. Selain itu, TalentCorp turut menjalankan sesi temu seru ke arah membangun jaringan dengan golongan '*expatriate*' Malaysia di luar negara, termasuk di Australia, Amerika Syarikat dan UK di mana kepakaran dan kebolehan mereka boleh dipupuk. Sesi temu seru sedemikian turut diadakan bersekali dengan wakil-wakil industri dari dalam negara untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan profesional yang wujud hasil daripada pelaksanaan ETP tersebut.

5. TalentCorp turut mengkaji cara yang terbaik bagi golongan 'expatriate' Malaysia yang masih bekerja di luar negara untuk terus menyumbang kepakaran mereka kepada negara. Misalnya, selain daripada Prof. Danny Quah di *London School of Economics* yang merupakan ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC), terdapat beberapa pakar Malaysia dari Silicon Valley, Amerika Syarikat yang telah kembali ke tanahair untuk menghadiri sebuah bengkel di ibu negara pada 10 Oktober 2011 bersama beberapa syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka kepada usahawan- usahawan teknologi maklumat negara.
6. Walaupun bilangan 'expatriate' Malaysia yang masih ingin bekerja di luar negara agak ramai, TalentCorp sentiasa berusaha untuk membina jaringan profesional dengan mereka untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan yang ada serta untuk 'leverage' kepakaran dan jaringan luar negara mereka untuk memanfaatkan pembangunan ekonomi negara.



PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN  
(REMPAU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.10.2011

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMPAU ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Syarikat Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn Bhd atau Rapid KL bagi menambah baik operasi perkhidmatan basnya dari aspek kelewatan, kurang kerap di banyak laluan, keselesaan pengguna seperti bas yang tanpa penghawa dingin di samping isu keselamatan penumpang yang ada kalanya diabaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Rapid-KL bagi menambah baik operasi perkhidmatan basnya antara lain termasuklah dengan menambah jumlah bilangan bas beroperasi. Sehingga September 2011, jumlah bas yang beroperasi telah bertambah daripada 720 kepada 850 buah bas sehari. Bagi menampung pertambahan jumlah pengguna, kekerapan perkhidmatan bas yang beroperasi setiap hari telah dipertingkatkan bermula Oktober 2011 seperti berikut:

i. Laluan Utama/Tempatan yang mempunyai bilangan penumpang yang ramai:-

- 10 minit hingga 15 minit pada waktu puncak
- 20 minit hingga 40 minit di luar waktu puncak

ii. Laluan Utama/Tempatan yang mempunyai bilangan penumpang yang sederhana:-

- 20 minit hingga 30 minit pada waktu puncak
- 30 minit hingga 40 minit di luar waktu puncak

Bagi memastikan keselesaan pengguna terjamin dan konsisten, Rapid KL telah meningkatkan tahap keberkesanan membaik pulih bas-bas lama dan mengurangkan masa membaik pulih di woksyp. Selain itu, Rapid-KL juga telah mempergiatkan kadar penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) terhadap bas-bas lama bagi menambah jumlah bilangan bas yang dapat digunakan dalam operasi seharian. Dalam hal ini, sekiranya berlaku kerosakan sistem penyaman udara dalam bas, berdasarkan prosedur operasi, setiap penumpang akan dihantar ke destinasi masing-masing sebelum bas berkenaan dihantar ke woksyp untuk dibaik pulih. Dengan adanya pertambahan bas baru sebanyak 400 buah, kerja membaik pulih bas lama boleh dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

Rapid-KL juga sentiasa menitik beratkan aspek keselamatan pengguna dan untuk itu, sebanyak 400 buah bas baru berkenaan telah diterapkan dengan ciri keselamatan dengan badan bas dibuat daripada bahan yang diperkukuhkan. Bas juga direka bentuk dengan spesifikasi lantai yang rendah bertujuan memudahkan pengguna menaiki dan menuruni bas terutama sekali bagi orang kurang upaya dan dilengkapi dengan bahan *anti slip* bagi mengelakkan pengguna daripada tergelincir.

Secara keseluruhannya, bas Rapid-KL beroperasi mengikut prosedur keselamatan yang ditetapkan dan dipantau melalui *bus control center*. Selain itu, sekiranya berlaku kecemasan, pemandu bas terlatih akan memastikan prosedur keselamatan dipatuhi bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[KUANTAN]

TARIKH

31

OKTOBER 2011

SOALAN 6

Puan Hajah Fuziah binti Salleh minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada benar statistik kenaikan pangkat unit beruniform JPJ Sabah dari gred 27 ke gred 32 tidak memberi keutamaan kepada mereka yang berasal dari Sabah walaupun mereka jauh lebih layak. Sekiranya benar, kenapa berlaku demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan urusan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau mana-mana Jabatan Kerajaan adalah berlandaskan Prinsip dan Syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam, Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan, Surat Arahan dan

Surat Edaran yang dikeluarkan oleh Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Di Dalam kes yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ia adalah berkaitan dengan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP), dan di antara syarat utama bagi maksud ini ialah seseorang haruslah memenuhi syarat berkhidmat 15 tahun penuh dan beberapa syarat lain seperti berikut;

- 1) Disahkan dalam perkhidmatan;
- 2) Markah keseluruhan mencapai 78% bagi Gred 17 hingga 40 iaitu termasuk markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT);
- 3) Perakuan Ketua Jabatan;
- 4) Telah mengisytiharkan harta;
- 5) Bebas dari tindakan atau hukuman tatatertib;
- 6) Bebas dari senarai Peminjam Pendidikan Tegar;
- 7) Lulus Tapisan Keutuhan SPRM.
- 8) Bagi JPJ sahaja syarat tambahan adalah semakan Pasukan Integriti Jabatan.

Tegasnya, dasar kenaikan pangkat adalah berasaskan bahawa hanya mereka yang telah memenuhi kesemua syarat-syarat tersebut di atas sahaja yang diperakukan dan ini terpakai kepada semua kakitangan tanpa mengira asal-usul seseorang penjawat awam tersebut. Dengan itu, dakwaan Yang Berhormat adalah sebenarnya tidak berasas.

(t)  
NO. SOALAN :  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD (KUALA  
SELANGOR)

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 31.10.2011**

**Dr. Haji Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini tentang prestasi pelbagai GLCs yang telah pun mengalami program transformasi dan khususnya apakah faktor-faktor kekangan yang masih memerangkap pelbagai GLCs yang sehingga kini gagal dibaik pulih atau di 'turn-around'kan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak Program Transformasi GLC (GLCT) dilancarkan pada Mei 2004, 18 GLC utama yang diletakkan di bawah Program GLCT telah mencapai kemajuan yang ketara dan kini berada pada kedudukan yang lebih kukuh berbanding di awal permulaan program ini. Pencapaian ini dapat disaksikan dengan jelas apabila kedudukan GLC-GLC ini tidak terjejas teruk akibat krisis kewangan global pada tahun 2008/2009 dan kembali kepada landasan pertumbuhan kukuh sejak daripada itu. Antara indikator pencapaian adalah seperti berikut:

1

- Pendapatan agregat kumpulan GLC tersebut telah meningkat 80% kepada RM17.3 bilion pada tahun kewangan 2010 berbanding RM9.6 bilion pada tahun kewangan 2004.
- Setakat 14 Oktober 2011, permodalan pasaran kumpulan GLC

tersebut telah meningkat sekali ganda kepada RM321 bilion sejak permulaan GLCT.

- Jumlah Pulangan Pemegang Saham (TSR) kumpulan GLC tersebut telah menyaksikan peningkatan pulangan terkumpul sebanyak 14% setahun sejak 14 Mei 2004 hingga 14 Oktober 2011, mengatasi syarikat yang tidak berada dalam kumpulan tersebut di FBM KLCI sebanyak 1.5%.
- Kumpulan GLC tersebut telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebanyak 72% pada tahun kewangan 2010, meningkat daripada 64% pada tahun kewangan 2009.

2. Walaupun demikian, beberapa buah GLC telah mencatat keputusan kewangan yang kurang memberangsangkan, di antaranya Malaysian Airline System Bhd, Tenaga Nasional Bhd dan Proton Holdings Bhd. Prestasi sedemikian disebabkan masalah yang dihadapi oleh GLC-GLC ini, yang berpunca daripada beberapa isu yang di luar kawalan syarikat termasuk peningkatan harga minyak, kekurangan bekalan bahan mentah serta mekanisme penetapan harga barangan dan perkhidmatan.

3. Usaha sedang dilakukan oleh GLC-GLC ini untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi antara lainya mengadakan kerjasama dengan syarikat pesaing dan sektor swasta, menumpukan kepada sektor pertumbuhan baru serta melaksanakan rancangan semula segmen pasaran.

#### **SOALAN : 9**

### **MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH  
BINTI ABD. RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan bilakah Kementerian dapat menyediakan peruntukan bagi memulakan pemasangan paip air bersih ke semua 13 kampung-kampung di Pulau Brait sedangkan paip air utama telahpun siap disediakan.

**Jawapan**

**Tuan yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pemasangan paip ke semua 13 kampung di Pulau Brait akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada masa ini, kontraktor yang dilantik sedang melaksanakan projek penyambungan bekalan air ke 9 buah kampung seperti berikut

1. Kampung Saie

2. Kampung Semup
3. Kampung Penibong
4. Kampung Betanak
5. Kampung Penuai
6. Kampung Salah Kecil
7. Kampung Sebakau
8. Kampung Petanak Ulu
9. Kampung Juing

Kerja-kerja ini dijangka siap pada penghujung November 2011.  
Pemasangan paip ke Kg. Brait dan Kg. Tekajong dijangka siap pada akhir Disember 2012.



No. Soalan : 10

PR-1243-

L46765

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>Isnin, 31 Oktober 2011</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan</b>

- a) apakah kesan positif dari hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara Komunis; dan
- b) nyatakan jumlah dan nama negara-negara Komunis yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia.



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Ingin saya tegaskan di sini bahawa dasar luar Malaysia dilaksanakan dengan menjalinkan persahabatan dengan negara-negara lain di serata dunia tanpa mengira ideologi, sistem politik dan sistem ekonomi negara dan cara pelaksanaan ini telah banyak memberi manfaat kepada Malaysia. Justeru itu, Malaysia mempunyai hubungan baik dengan pelbagai negara di serata dunia, termasuk negara-negara yang ditafsirkan sebagai negara komunis atau pemerintahan sosialis. Walaupun Malaysia dengan negara-negara tersebut berbeza dari segi ideologi, sistem politik dan ekonomi, tetapi faktor ini tidak menjadi halangan dalam perhubungan dua hala sepertimana hubungan dengan mana-mana negara yang mempunyai ideologi serta sistem politik dan ekonomi yang sama dengan Malaysia.

3. Hubungan dua hala dengan negara-negara berkenaan telah banyak membawa manfaat bersama di dalam bidang kerjasama seperti perdagangan, pelaburan, pelancongan, pendidikan, kebudayaan serta sains dan teknologi, sepertimana hubungan Malaysia dengan pelbagai negara lain di dunia. Hubungan baik tersebut juga memberi impak positif dari segi kerjasama serantau dan kerjasama pelbagai hala yang sekaligus membantu mengekalkan keselamatan, kestabilan dan keamanan serantau.

4. Bagi menjawab soalan (b), terdapat lima negara yang memenuhi ciri-ciri seperti ini iaitu Republik Rakyat China, Republik Cuba, Republik Demokratik Rakyat Laos, Republik Sosialis Vietnam dan Republik Rakyat Demokratik Korea.

Sekian, terima kasih.

## **SOALAN 11**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISA**  
**DARIPADA**                          **N**  
**Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR NASARAH**  
**(LENGGONG)**  
**TARIKH**                                                      31 GKTGBER 2011  
**SOALAN**                                                      **Meminta MENTERI PELANCONGAN**  
**menyatakan:**

- a) Jumlah kehadiran pelancong mengikut negara dan berapakah pendapatan negara yang diperolehi melaluinya; dan
- b) Usaha promosi dan masalah yang dihadapi oleh sektor pelancongan domestik, dan apakah produk popular mengikut kategori.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

### **9(a)**

Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, jumlah kemasukan pelancong asing ke Malaysia pada 2010 adalah amat memberangsangkan di mana seramai **24.6 juta pelancong** dicatat memasuki negara ini dengan menghasilkan jumlah pendapatan pelancong berjumlah **RM56.5 billion**.

Jumlah kemasukan pelancong pada 2010 mencaiat **kenaikan 3.9%** berbanding 2009 yang mencatat kemasukan 23.6 juta pelancong. Dari segi hasil pendapatan pelancong puia, 2010 mencatat kenaikan 5.9% berbanding tahun 2009 yang hanya

**mencaiat seramai 5.1%.**

Bagi setengah tahun pertama tahun 2011 (Januari hingga Jun), jumlah kemasukan pelancong ialah seramai **11.36 juta orang** dengan menjana pendapatan pelancong sebanyak **RM25.9 billion**. **Berikut ialah senarai 10 negara tertinggi** yang menyumbang kepada kemasukan pelancong pada 2010:

- 1) **Singapura** dengan jumlah pelancong seramai **13.04 juta** dengan pendapatan sebanyak **RM 28.4 billion**;
- 2) **Indonesia** dengan jumlah pelancong seramai **2.51 juta**

dengan pendapatan sebanyak **RM 4.8 billion;**

- 3) **Thailand** dengan jumlah pelancong seramai 1.46 **juta** dengan pendapatan sebanyak RM 1.5 billion;
- 4) **China** dengan jumlah pelancong seramai 1.13 **juta** dengan pendapatan sebanyak RM 3.1 billion;
- 5) **Brunei** dengan jumlah pelancong seramai 1.12 **juta** dengan pendapatan sebanyak RM 2.8 billion;
- 6) India dengan jumlah pelancong seramai 690 **ribu** dengan pendapatan sebanyak RM 1.8 billion;
- 7) Australia dengan jumlah pelancong seramai 580 **ribu** dengan pendapatan sebanyak RM 2.4 **billion;**
- 8) **Filipina** dengan jumlah pelancong seramai 486 **ribu** dengan pendapatan sebanyak RM **0.9** billion;
- 9) United Kingdom dengan jumlah pelancong seramai 429 **ribu** dengan pendapatan sebanyak RM 1.6 billion; dan
- 10) **Jepun** dengan jumlah pelancong seramai **415 ribu** dengan pendapatan sebanyak **RM 1.1 billion.**

9(b)

Antara usaha promosi pelancongan domestik yang dilaksanakan

oleh pihak Kementerian ialah seperti berikut:-

1. Menyertai dan menganjurkan pameran pelancongan seperti Misi Jualan Domestik, MATTA Travel Fair dan Malaysia Tourism Fair untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan domestik secara terus kepada orang ramai.
2. Menganjurkan program 'Familiarization Trip' (Mega Fam) dengan menjemput pengusaha pelancongan tempatan dan media tempatan dan asing melawat produk pelancongan yang menarik melalui program dan aktiviti pelancongan didalam Malaysia.
3. Menggalakkan penyertaan dalam program '**Homestay**'.
4. Pengeluaran risalah-risalah pelancongan untuk edaran kepada orang ramai mengenai destinasi-destinasi pelancongan domestik yang menarik.
5. Hebahan destinasi pelancongan domestik melalui Laman Web rasmi Tourism Malaysia, Majalah-majalah pelancongan seperti LIBUR dan Gaya Travel Guide, akhbar-akhbar tempatan dan *billboard*.

Antara masalah yang dikenalpasti dan dihadapi oleh sektor pelancongan domestik ialah:



1. Terdapat banyak tawaran promosi tiket penerbangan murah ke luar negara oleh syarikat-syarikat penerbangan;
2. Tawaran percutian ke luar negara dilihat sebagai lebih menarik dan mampu dibeli dibandingkan dengan pakej domestik;
3. Rakyat Malaysia tidak merancang dalam membuat percutian mereka; dan
4. Rakyat Malaysia lebih terdorong untuk melancong ke luar negara mengikut tren masa kini.

Antara produk pelancongan popular mengikut kategori ialah Homestay, Pelancongan Kesihatan, Eco-Tourism, Membeli Belah, Pelancongan Sukan, Pelancongan Agama, Agro Tourism, Spa dan Wellness, Taman dan Rekreasi, Kebudayaan dan Warisan serta Pulau dan Pantai.



**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2011)**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI [ BAGAN SERAI ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>31 OKTOBER 2011</b>
<b>SOALAN</b>	<b>12</b>

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah bentuk jenayah siber dan berapakah jumlah kerugiannya untuk tahun 2008-2011. Apakah langkah yang diambil bagi mengatasinya.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan statistik insiden siber yang dirujuk kepada CyberSecurity Malaysia dibawah bidang tugasnya, insiden siber merangkumi 9 klasifikasi iaitu:

- (i) Insiden berkaitan dengan kandungan *{Content related}*
- (ii) Gangguan siber *(Cyber harrassment)*
- (iii) Penafian perkhidmatan *(Denial of service)*

- (iv) Penipuan (*Fraud*)
- (v) Pencerobohan (*Intrusion*)
- (vi) Cubaan pencerobohan (*Intrusion attempt*)
- (vii) Kod-kod jahat (*Malicious codes*)
- (viii) Spam
- (ix) Laporan kelemahan (*Vulnerabilities report*)

CyberSecurity Malaysia juga menyediakan perkhidmatan forensik digital (*digital forensics*) yang diperakui dibawah sekyen 399 Kanun Tatacara Jenayah (*Criminal Procedure Code*) Akta 593.

Merujuk Laporan Tahunan 2009 Polis Diraja Malaysia, jenayah siber menunjukkan peningkatan yang tinggi pada tahun 2009 iaitu 1,340 kes atau 126.8%. Manakala jumlah kerugian yang dialami pada tahun 2008 adalah sebanyak RM13 juta, RM22.3 juta pada tahun 2009 dan RM 65 juta pada tahun 2010.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh KPMG, potensi kerugian dalam beberapa sektor ekonomi di Malaysia dalam jangka masa 5 tahun boleh mencecah sehingga RM2.73 billion. Dari aspek bukan ekonomi pula, jenayah siber boleh memberikan kesan negatif kepada imej negara dan menjejaskan peluang pelaburan dari luar negara kerana kurangnya keyakinan dan kepercayaan terhadap tahap keselamatan siber negara.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi memperkasakan ruang siber negara daripada ancaman siber yang semakin meningkat, langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama antara

pelbagai Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) Melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional (*National Cyber Security Policy - NCSP*);
- (ii) Membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara di bawah kawalselia Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- (iii) Mengkaji kelompongan undang-undang negara bagi membolehkan ancaman siber ditangani dengan lebih berkesan;
- (iv) Menggalakkan pihak Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) menyediakan aplikasi *content filtering software*;
- (v) Mengarahkan organisasi-organisasi Prasarana Kritikal Maklumat Negara (CNII) melaksanakan pensijilan *Information Security Management System (ISMS)*;
- (vi) Membangunkan Strategi Nasional untuk Program Pembudayaan dan Pembangunan Keupayaan Dalam Keselamatan Siber (*National Strategy for CyberSecurity Acculturation and Capacity Building Program*);
- (vii) Melaksanakan program kesedaran siber di peringkat nasional bagi memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan isu keselamatan siber;

- (viii) Mengadakan pusat pengaduan setempat berkenaan insiden siber di mana masyarakat boleh mendapatkan khidmat dan bantuan teknikal secara percuma melalui Pusat Koordinasi Cyber999;
- (ix) Mengadakan Pasukan Petugas Mengambil Tindakan Segera Laman Web KPKK yang diterajui oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK);
- (x) Memperkukuhkan kerjasama keselamatan siber di peringkat antarabangsa melalui Asia Pacific CERT, OIC-CERT dan mewujudkan *Global Cyber Security Alliance* (GCSA); dan
- (xi) Melaksanakan program CyberSAFE, singkatan kepada *Cyber Security Awareness for Everyone* atau Kesedaran Keselamatan Siber Untuk Semua bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu keselamatan siber khususnya kepada kanak-kanak dan golongan pelajar. Sepanjang tahun 2010 sehingga bulan Julai 2011, seramai 21,707 pelajar dan 2,315 guru daripada 63 buah sekolah telah mengikuti program CyberSAFE ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya iaitu CyberSecurity Malaysia memberi bantuan teknikal dalam mengendalikan insiden siber. Bantuan teknikal ini dilaksanakan oleh perkhidmatan Koordinasi Cyber999 dan perkhidmatan Forensik Digital yang berperanan sebagai pusat koordinasi setempat bagi menangani masalah insiden keselamatan siber dan kes-kes forensik digital di Malaysia. CyberSecurity Malaysia

banyak memberikan bantuan teknikal dalam kes-kes jenayah siber

kepada agensi penguatkuasa undang-undang dan badan regulatori seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja (KDRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD (MUKAH)
TARIKH	31.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD [ MUKAH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah tenaga Guru- guru dalam mata pelajaran Sains dan Matematik mengikut nisbah atau ratio Guru:Pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya ratio guru dengan murid di peringkat sekolah rendah adalah sebanyak 1:28. Ini berdasarkan kepada jumlah bagi semua murid untuk sekolah rendah yang wajib mengikuti mata pelajaran Sains dan Matematik.

Manakala di peringkat sekolah menengah pula, ratio murid dengan guru tidak boleh dinyatakan secara spesifik kerana mata pelajaran Sains terutamanya terbahagi kepada tiga iaitu Sains dan Matematik untuk murid sekolah menengah rendah (Tingkatan 1-3), manakala Sains, Sains Tulen, Matematik dan Matematik Tambahan untuk murid di menengah atas (Tingkatan 4 dan 5). Walau

bagaimanapun, secara umumnya ratio guru dengan murid di peringkat sekolah menengah yang mempelajari mata pelajaran sains dan matematik adalah 1:37.



PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2011**

**SOALAN : Tuan Hj. Ahmad Bin Kasim (KUALA KEDAH) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah strategi yang diguna pakai dalam menggubal Dasar Agromakanan Negara (DAN) (2011- 2020) dan adakah strategi ini mampu untuk menghadapi krisis bekalan makanan dunia kini, serta nyatakan bandingan harga makanan utama Malaysia berbanding negara-negara ASEAN.**

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI Tuan**

**Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 telah menggariskan 7 hala tuju strategik iaitu:
  - i. Menjamin bekalan makanan negara;
  - ii. Meningkatkan sumbangan industri agromakanan;
  - iii. Melengkapkan rantai nilai;
  - iv. Memperkasa modal insan;
  - v. Memantapkan aktiviti R&D, inovasi dan penggunaan teknologi;
  - vi. Mewujudkan persekitaran perniagaan yang diterajui sektor swasta; dan
  - vii. Memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan.
2. Melalui Dasar Agromakanan Negara, sektor agromakanan lebih bersedia menghadapi cabaran dan menangani krisis sekiranya berlaku kerana strategi yang digariskan telah mengambilkira faktor-faktor di peringkat global dan dalam negara

seperti peningkatan harga makanan dan input pertanian, penambahan penduduk, persaingan dengan industri bioteknologi serta perubahan iklim.

**Tuan Yang Di Pertua,**

3. Harga purata makanan yang akan dinyatakan di sini dibuat perbandingan terutamanya dengan negara Filipina, Thailand dan Indonesia. Di Malaysia, harga beras Super Tempatan 15% adalah di antara RM1.65-1.80 sekilogram dan Super Special Tempatan 5% adalah RM2.60 sekilogram. Manakala harga beras putih di Vietnam adalah RM1.53 sekilogram, Thailand RM1.86 hingga RM2.37 sekilogram, Indonesia RM2.51 hingga RM2.83 sekilogram dan Filipina RM2.54 hingga RM3.19 sekilogram.

4. Harga purata pada bulan September 2011 bagi komoditi makanan yang lain adalah seperti berikut:

- i. komoditi daging; contohnya daging lembu di Malaysia RM21.25/kg, Filipina di antara RM19.83 hingga RM32.46/kg, Thailand di antara RM15.00 hingga RM20.00/kg dan Indonesia RM17.35/kg manakala bagi daging ayam di Malaysia RM8.60/kg, di Filipina RM10.46/kg, Thailand RM9.00/kg dan Indonesia di antara RM9.20 hingga RM 10.60/kg;
- ii. komoditi buah-buahan; contohnya buah betik di Malaysia RM2.30/kg, Filipina RM2.17/kg dan Thailand RM1.90/kg; manakala buah mangga di Malaysia RM5.10 hingga RM6.95/kg, Filipina RM6.50/kg dan Thailand RM3.90/kg;
- iii. komoditi sayur-sayuran; contohnya cili merah di Malaysia RM9.45/kg, Filipina RM21.64/kg dan Thailand RM9.00/kg; manakala kubis bulat di Malaysia RM2.95/kg, Filipina RM3.62/kg, Thailand RM2.20/kg dan Indonesia RM1.06/kg;
- iv. komoditi hasil laut; contohnya sotong di Malaysia RM13.90/kg, Filipina di antara RM21.64 hingga RM32.46/kg dan Thailand RM25.50/kg; manakala udang di Malaysia RM37.70/kg, Filipina di antara RM21.64 hingga RM32.46/kg dan Thailand RM26.90/kg.

Soalan No : 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                 LISAN  
DARIPADA                 Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN  
                                      (BATU SAPI)  
  
TARIKH                     31.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATIN LINDA TSEN THAU LIN [ BATU SAPI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar Kerajaan dalam membantu sekolah luar bandar untuk memperbaiki bumbung sekolah yang bocor. Sebagai contoh, sekolah SMK Segaliud di Batu Sapi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan memberi keutamaan dan perhatian yang khusus terhadap sekolah-sekolah yang mengalami masalah kerosakan fizikal, termasuklah masalah bumbung sekolah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, semua masalah tersebut perlu diajukan kepada pihak yang berkaitan melalui permohonan kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk dipanjangkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMK Segaliud di Batu Sapi tersenarai di dalam Program Audit Fizikal iaitu rosak teruk yang mana semakan secara keseluruhan telah dibuat di sekolah berkenaan. KPM telah mengenalpasti bahawa sekolah berkenaan mengalami kerosakan struktur.

**NO SOALAN**

**PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAHBINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 31.10.2011**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap semua salah laku dan penyelewengan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih terus berulang setiap tahun walaupun telah mendapat teguran, berapa ketirisan perbelanjaan negara sejak tahun 2008 hingga 2011.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan, dan Badan Berkanun sentiasa memberi perhatian serius ke atas teguran audit yang telah dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara. Beberapa tindakan pembedahan (*corrective action*) telah diambil oleh Kementerian. Antara tindakan pembedahan yang diambil oleh agensi-agensi yang telah ditegur oleh Ketua Audit Negara adalah seperti berikut:-

Kementerian-Kementerian menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat Kementerian masing-masing dan dipengerusikan

oleh Pegawai Pengawal dengan tujuan untuk mengkaji isu-isu audit yang dibangkitkan dan mengenalpasti teguran yang melibatkan penyelewengan kuasa dan penyalahgunaan wang awam;

Tindakan tatatertib / surcaj ke atas pegawai-pegawai yang didapati terlibat di dalam penyelewengan kuasa dan penyalahgunaan wang awam sehingga mendatangkan kerugian kepada Kerajaan;

Kementerian Kewangan juga telah mengadakan lawatan tapak secara selektif ke atas Kementerian yang telah ditegur terutamanya isu yang melibatkan aktiviti / projek fizikal. Usaha ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap teguran telah diambil tindakan pembetulan sewajarnya;

Mengeluarkan surat peringatan kepada semua Pegawai Pengawal agar mengambil perhatian serius terhadap isu kelemahan pengurusan kewangan yang sering kali dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan tindakan diambil bagi mengelakkan ia daripada berulang;

Mengingatkan semua Pegawai Pengawal supaya membuat perancangan dan pemantauan perbelanjaan dengan lebih berkesan bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun masing-masing. Peringatan juga dibuat oleh Kementerian Kewangan di dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bersama Ketua Setiausaha Kementerian yang diadakan setiap tahun;

Kementerian Kewangan telah membuat persediaan awal bersama Jabatan Audit Negara untuk menjalankan *Post Audit Exercise* ke atas semua isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara dengan mendapatkan status maklum balas terkini bagi memastikan isu-isu tersebut diambil tindakan dan diselesaikan; dan

Kementerian Kewangan memperkemaskan lagi pemantauan ke

atas prestasi pengurusan kewangan yang didapati bermasalah melalui aktiviti *flying squad* supaya tindakan *corrective* dan *preventive* benar-benar telah diambil perhatian oleh Kementerian / Jabatan yang terlibat.

NO. SOALAN : 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                      DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**TARIKH                              31 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk peningkatan pertahanan laut yang digunakan oleh Kementerian di dalam memastikan kes-kes pencerobohan perairan Sabah dapat dikurangkan terutama yang melibatkan lanun, penculik dan nelayan dari negara asing.

**JAWAPAN                      Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terjamin dan terpelihara merupakan agenda utama serta fokus penting Kerajaan. Antara langkah yang dilakukan adalah penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada 15 Februari 2005.

Penubuhan ini juga bertujuan untuk mengatasi masalah pertindihan fungsi, bidang kuasa,

kawasan operasi dan pembaziran sumber di kalangan 11 agensi maritim sedia ada. Sejak itu, APMM telah menjalankan kewajipan sebagai agensi keselamatan yang menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia (ZMM) bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan pengguna amnya, sekali gus menjamin keselamatan dan kemakmuran negara. Bagi mengukuhkan lagi keselamatan kawasan berkepentingan di laut, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menyerahkan pengoperasian dan pentadbiran Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA) pada 17 November 2005 dan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) pada 1 Julai 2009 kepada APMM. Pada 6 Jun 2006, APMM telah mengambil alih tugas penyelaras Mencari dan Menyelamat (Carilamat) maritim daripada Jabatan Laut Malaysia.

Sehingga Februari 2011, Kerajaan telah melengkapkan APMM dengan aset-aset baru iaitu 3 buah helikopter AS365 N3 Dauphin, 3 buah helikopter Augusta Westland 139, 2 buah pesawat Amfibia CL 415 MP, 2 radar mudah alih, 19 buah bot laju dan 6 buah bot penyelamat manakala sebanyak 18 bot pemintas laju dan 6 bot penyelamat akan diterima dalam masa terdekat. Pada 1 September 2011, Kerajaan telah mengisytiharkan APMM sebagai Agensi Penguatkuasaan Tunggal Maritim negara.

Bagi kawasan perairan di Sabah terutamanya di kawasan persempadanan, beberapa langkah telah pun dilaksanakan bagi memastikan kawasan ini dipertahankan dan bebas daripada sebarang ancaman. Antara langkah yang dilaksanakan termasuklah :



1. Mendirikan rangkaian radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) bagi mengawasi pergerakan kapal, bot dan baj (*barge*) di sepanjang perairan timur Sabah.
2. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan pasukan keselamatan secara berterusan.
3. Mendapatkan maklumat perisikan terhadap ancaman atau aktiviti haram maritim.
4. Penempatan agensi penguat kuasa dan pasukan keselamatan di kawasan strategik.
5. Pendekatan diplomatik dengan negara-negara jiran.
6. Penyertaan dalam forum antarabangsa dalam perkara berkaitan dengan kedaulatan wilayah dan negara.

Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa di peringkat serantau bagi menentukan perkara kepentingan bersama dibincangkan di forum berkenaan. Senarai jawatankuasa - jawatankuasa dengan negara di persempadanan negara adalah seperti di **Lampiran A**. Dalam perkara ini, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pasukan keselamatan Malaysia turut mengadakan patroli bersama dengan agensi-agensi penguat kuasa dan keselamatan Filipina dan Indonesia bagi menjamin keselamatan di kawasan persempadanan di Sabah sentiasa aman dan terkawal. Selain itu, peranan Jawatankuasa Sasaran Penting turut membantu dalam memelihara dan mengawal kepentingan lokasi-lokasi strategik negara daripada dibolosi oleh ancaman luar mahu pun ancaman dari dalam negara.

Penubuhan Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan merupakan satu jawatankuasa yang bertujuan merangka, menyelaras dan

mengkaji pelaksanaan operasi pasukan keselamatan di kawasan berkepentingan negara. Dalam masa yang sama, pasukan keselamatan telah diaturgerak untuk mengadakan rondaan dan operasi. Kem/pos keselamatan juga telah didirikan untuk mengawal lokasi strategik dan kawasan persempadanan.

Justeru, pelaksanaan operasi yang berterusan dan kerjasama erat antara APMM dengan agensi-agensi yang berkaitan akan dapat memastikan kawasan-kawasan berkepentingan di laut atau darat dapat dipertahankan bagi menjamin kedaulatan negara Malaysia tidak tergadai.

#### **JAWATANKUASA - JAWATANKUASA DI ANTARA MALAYSIA - INDONESIA**

1. General Border Committee Malaysia Indonesia (GBC)
2. High Level Committee (Malindo) HLC
3. Coordinated Operations Control Committee (COCC)
4. Jawatankuasa Latihan Bersama (JKLB)
5. Sosio Ekonomi (SOSEK)
6. Joint Police Cooperations Committee (JPCC)
7. Tim Perancang Operasi Maritim (TPOM)

#### **JAWATANKUASA - JAWATANKUASA DI ANTARA MALAYSIA - FILIPINA**

1. Philippines Malaysia Joint Border Committee (JBC)
2. Philippines Malaysia Border Patrol Coordinating Group (BPCG)

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA  
SELATAN)  
**PERTANYAAN** : LISAN  
**TARIKH**  
**: 31.10.2011**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) bagaimana Kerajaan boleh membenarkan 14 ahli perniagaan Cina mengambil-alih syarikat pengendalian judi Da Ma Cai iaitu Pan Malaysia Pools Sdn Bhd atas alasan penubuhan "Dana Pendidikan" untuk sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC); dan
- (b) adakah dengan kewujudan "Dana Pendidikan" ini, Kerajaan akan mengabaikan tanggungjawab ke atas SJKC.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. (PMP) adalah sub-ejen kepada Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) melalui Usaha Tegas Sdn. Bhd. di bawah perjanjian penswastan yang dimeterai pada tahun 1988. Kerajaan hanya melesenkan premis di bawah Akta Pertaruhan

Pool 1967 [*Akta 384*] dan tidak mempunyai apa-apa kuasa ke atas PMP memandangkan Kerajaan tidak terlibat di dalam perjanjian penswastan di

antara LTM, Usaha Tegas Sdn. Bhd. dan PMP. Oleh yang demikian, pengambil-alihan PMP oleh 14 ahli perniagaan Cina tersebut adalah bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan, mahupun Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) sendiri.

WO  
•StfAtAi'J' ^  
KO.AUM:-46

**NO. AUP ? ■**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [ MAS  
GADING ]

TARIKH 31 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4142

SOALAN:

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [ Mas Gading ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan sama ada kajian dijalankan untuk  
menentukan sama ada benar atau tidak kadar jenayah kian meningkat  
baru-baru ini walaupun laporan dari pihak berkuasa sebelum ini  
menunjukkan keadaan sebaliknya.

**JAWAPAN :**  
Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dari Mas Gading di atas pertanyaan ini.

Kerajaan memandang serius masalah jenayah yang meningkat dari tahun ke tahun yang lain. Bagi menangani masalah ini Kerajaan telah menubuhkan sebuah makmal NKRA Mengurangkan Jenayah di negara ini pada penghujung tahun 2009. Selain itu, dua lagi makmal susulan berhubung dengan jenayah juga telah ditubuhkan. Hasilnya sebanyak lebih 50 inisiatif telah dicadangkan untuk dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi bagi mengurangkan jenayah.

Bagi melaksanakan inisiatif yang dirangka oleh Makmal Mengurangkan Jenayah, KDN telah mengenalpasti negeri yang paling banyak kejadian jenayah. Negeri-negeri berkenaan ialah Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Keempat-empat negeri ini telah dikategorikan sebagai Negeri *Hotspot* kerana statistik dari PDRM menunjukkan bahawa 72% kejadian jenayah pada tahun 2008 berlaku di negeri-negeri ini. Seterusnya 50 kawasan dari negeri-negeri tersebut dikategorikan sebagai kawasan hotspot kerana kes jenayah yang paling tinggi berlaku. Kawasan-kawasan ini dijadikan sebagai tumpuan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif mengurangkan jenayah oleh PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, antara lebih 50 inisiatif yang telah dilaksanakan melibatkan antara lain mengaktifkan semula Program Bandar Selamat, meluaskan Skim Rondaan Sukarela (SRS), pemasangan CCTV, menambah bilangan anggota yang membuat rondaan, penglibatan pegawai-pegawai kanan polis dalam *High Profile Policing*, menambah pegawai dan anggota siasatan jenayah terlatih di balai-balai dan ibu pejabat polis serta melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dalam sama-sama dengan pihak polis bagi mencegah jenayah. Program-program ini telah dikukuhkan lagi dengan penambahan Balai Polis Bergerak serta motosikal untuk mempercepatkan tindak balas sekiranya berlakunya jenayah.

Penugasan semula pegawai dan anggota PDRM untuk menangani jenayah turut dilaksanakan dengan menempatkan mereka di lapangan bagi menjalankan tugas hakiki polis. Seramai 8,140 anggota PGA yang mengawal sempadan negara kini telah ditugaskan di empat negeri hotspot dan tempatnya diambil alih oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Bilangan ini ditambah dengan kehadiran seramai 7,402 lagi pegawai dan anggota PDRM di bawah program pengawaman untuk menjalankan tugas rondaan, di mana mereka dulunya ditempatkan di balai-balai polis tertentu dan kini digantikan dengan seramai 4,279 pegawai awam.

Bagi melengkapkan penugasan polis dalam menangani jenayah, sebanyak 446 motosikal baru telah dibekalkan pada 2010 untuk membuat rondaan dalam bandar dan *'first response'*.



Semua langkah-langkah seperti di atas yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan telah menunjukkan impak positif. Ini berdasarkan kajian dan statistik-statistik yang diperolehi daripada PDRM. Kajian dan statistik-statistik menunjukkan bahawa kadar jenayah di keempat-empat buah negeri hotspot khususnya, dan negara keseluruhannya telah menunjukkan penurunan yang menggalakkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah menjalankan dua kajian yang telah dilaksanakan oleh *TNS Research International*. Kajian pertama ialah bagi mengkaji impak pengurangan kadar jenayah di kalangan masyarakat dan yang kedua ialah untuk mengkaji tahap kepuasan rakyat terhadap prestasi dan perkhidmatan pihak polis. Kajian impak terhadap pengurangan kadar jenayah menunjukkan bahawa tahap keyakinan masyarakat terhadap jenayah telah bertambah baik. Pada tahun 2009, seramai 58.5% dari masyarakat kurang yakin tentang keselamatan - iaitu menjadi mangsa jenayah. Hasil langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan, sehingga Mei 2011, tahap keyakinan rakyat telah meningkat ke 48.9%. Dalam hal ini, sasaran Kerajaan adalah untuk mencapai ke tahap 50%. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah mengatasi sasaran awal sebanyak 1.1%.

Tuan Yang Di Pertua,

Semua perkembangan positif ini membuktikan bahawa langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha mengurangkan jenayah telah membawa impak positif kepada negara. Perkembangan ini juga menyangkal persepsi bahawa kadar jenayah kian meningkat, sebaliknya ianya menunjukkan tren yang MENURUN.

Kerajaan adalah serius dalam menangani masalah jenayah di negara ini bagi menjamin keselamatan rakyatnya. Pihak Kementerian dan PDRM sentiasa sedar bahawa kepentingan rakyat perlu dijamin dan dijaga sepenuh masa. Semua kejayaan yang dicapai ini adalah hasil dari usaha gigih pelbagai pihak dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di bawah NKRA mengurangkan jenayah yang diterajui oleh KDN.

Ternyata melalui gerakan bersepadu yang dilakukan secara berterusan ini telah mendatangkan hasil yang memuaskan dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap polis dan agensi Kerajaan melalui usaha-usaha yang dilakukan selama ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Langkah Kerajaan untuk mengurangkan jenayah di negara ini juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Sebagai contoh, *Institute for Economics and Peace* dari Sydney, Australia telah melaporkan dalam penerbitan *Global Peace Index* edisi kelimanya telah melaporkan bahawa, "...found Malaysia to be the most peaceful country in Southeast Asia and the fourth safest in Asia Pacific region behind New Zealand, Japan and Australia". Kajian institut yang sama juga menunjukkan bahawa Malaysia berada pada tangga ke19 daripada 153 negara yang paling selamat dan aman.

Laporan oleh *Global Competitiveness Report* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* yang berpusat di Geneva, Switzerland meletakkan Malaysia berada pada tangga ke21 berbanding dengan tangga ke26 pada tahun lepas (Kesemuanya meliputi 143 negara). Ini merupakan satu pencapaian yang amat menggalakkan. Ini

meletakkan Malaysia depan negara-negara seperti Korea Selatan dan New Zealand. Dalam laporan yang sama, bagi kategori *Business Cost of Crime and Violence*, kedudukan Malaysia telah meningkat dari tempat ke 93 kepada 63, peningkatan sebanyak 30 tempat, berbanding tahun 2010.

Adalah amat nyata dari penjelasan tadi, bahawa strategi yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar jenayah telah berada diatas landasan yang betul dan tepat. Melalui pendekatan holistik dan bersepadu yang diambil oleh Kerajaan secara berterusan ini telah mendatangkan hasil yang memuaskan dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap polis dan agensi Kerajaan, dan menjadikan Malaysia lebih selamat.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH  
[KELANA JAYA-PKR]

TARIKH 31 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN NO. 20

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya - PKR ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan laporan kewangan Perbelanjaan dan Pendapatan penganjuran Sukan Komanwel 1998 oleh Sukom Ninety

**SULIT**

Eight Berhad.



**SULIT**

**JAWAPAN**

Merujuk kepada Laporan Kewangan Tahun 1998 hingga 2002 yang telah audit, jumlah perbelanjaan Sukom Ninety Eight Berhad bagi penganjuran Sukan Komanwel 1998 adalah sebanyak RM224,544,150. Manakala jumlah pendapatan untuk tempoh tersebut pula adalah sebanyak RM178,865,062.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA  
KAWASAN  
TARIKH  
NO. SOALAN

DATO' SERI ONG KA CHUAN  
LISA  
N  
TANJUNG MALIM

31.10.2011 (ISNIN)

DATO' SERI ONG KA CHUAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang akan terus diambil oleh Kementerian untuk mengekalkan kadar peningkatan Pelaburan Langsung Asing (FDI) negara yang cemerlang berikutan prestasi separuh tahun pertama 2011 yang memberangsangkan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Menurut Imbangan Pembayaran (*Balance Of Payments*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), kemasukan FDI bagi separuh pertama tahun 2011 adalah berjumlah RM21.3 bilion berbanding dengan RM12.1 bagi jangkamasanya yang sama





tahun 2010. Angka tersebut adalah angka sebenar kemasukan FDI dan merupakan satu peningkatan yang amat memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih kekal sebagai sebuah destinasi yang kompetitif dalam menarik pelaburan asing.

Pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan minat berterusan dan mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif untuk pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia terutama dalam aktiviti-aktiviti bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan kemahiran. Aktiviti-aktiviti ini adalah berasaskan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang diperkenalkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Tuan Yang Dipertua,

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi mengekalkan kadar peningkatan FDI yang cemerlang dan sentiasa berada di tahap yang tinggi adalah:

- Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara “real time” ketika berunding dengan para

pelabur yang berpotensi;

- Memperkenalkan pelbagai program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;
- Menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara;
- Meliberalisasikan subsektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan di dalam sektor perkhidmatan;
- Menawarkan Skim Galakan Istimewa (prepackaged incentive) yang mengandungi pelbagai ienis galakan berbentuk fiskal dan bukan fiskal mengikut keperluan industri seperti industri yang strategik, bidang-bidang baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, 'advanced electronics', bioteknologi, fotonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia;

Memastikan penveiarasan yang lebih baik di antara semua agensi Kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah ETP melalui penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU;

Menganjurkan Misi Perdagangan dan Pelaburan bertujuan untuk menvebar dan memaklumkan kepada pelabur-pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan. Bagi tahun 2011, sebanyak 13 Misi Perdagangan dan Pelaburan telah dan akan dilaksanakan ke negara seperti Syria, Algeria, Jerman, Perancis, Oman, Turki, Iran, Australia, Taiwan dan China; dan

Menambahbaik sistem penvampaian Keraiaan, seperti yang dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG  
(MARANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.10.2011

NO SOALAN :22

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI HAJI ABD. HADI BIN AWANG [ MARANG ]** mmta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik jumlah subsidi bahan petroleum yang diberikan setiap tahun dari 2005 hingga 2010 kepada syarikat minyak asing dan PETRONAS, pembekal bahan petroleum di stesen (*dealer*) dan pengguna. Adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan subsidi ini terutama kepada syarikat asing.

#### **DRAF JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi petroleum yang diberikan oleh Kerajaan adalah untuk manfaat pengguna produk petroleum dan bukan kepada syarikat minyak atau pengusaha stesen minyak. Sebagai mekanisme untuk menstabilkan harga produk petroleum kepada pengguna, maka syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak hanya menerima margin keuntungan pada kadar yang ditetapkan di bawah Mekanisma Harga Automatik (APM) bagi penjualan minyak kepada pengguna.

Dari segi subsidi bahan petroleum yang telah ditanggung oleh Kerajaan, jumlahnya dari tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH (RM bilion)</b>
<b>2005</b>	<b>8.16</b>
<b>2006</b>	<b>7.28</b>
<b>2007</b>	<b>8.77</b>
<b>2008</b>	<b>15.38</b>
<b>2009</b>	<b>5.59</b>
<b>2010</b>	<b>9.24</b>

Kerajaan memberi subsidi pada kadar yang sama rata kepada semua jenama minyak supaya pengguna bebas memilih jenama minyak yang diingini. Dengan itu, subsidi produk petroleum yang dijual oleh Petronas atau syarikat asing adalah sama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADAY.B DATO' DR. MOHAMAD  
SHAHRUM BIN  
OSMAN (LIPIS)  
  
TARIKH 31.10.2011  
(ISNIN)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kesediaan Kerajaan bagi mempertimbangkan pesawat tempur pelbagai guna (MRCA) *Eurofighter Typhoon* bagi menggantikan sepenuhnya pesawat pejuang MiG-29 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).  
Tuan Yang di-Pertua,

Pesawat Eurofighter Typhoon adalah salah satu jenis pesawat yang masih di dalam kajian oleh TUDM. Disamping itu, pesawat lain juga turut dinilai seperti pesawat F/A-18F Super Hornet, F-16C/D, Gripen NG dan Rafale. TUDM masih lagi sedang melaksanakan proses kajian dan evaluasi ke atas semua jenis pesawat yang disebutkan.

**SOALAN NO: 24**

PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA           TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH               31 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN           : Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah-langkah konkrit Kerajaan untuk membantu nelayan-nelayan khususnya vesel kelas C2 yang subsidi dieselnya telah ditarik balik mulai 1/6/2011.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak menarik balik subsidi yang telah diberikan kepada pengusaha vesel laut dalam Zon C2 sebaliknya kadar subsidi tersebut telah dikurangkan daripada kadar RM1.25 seliter kepada RM1.80 seliter. Pihak pengusaha vesel laut dalam Zon C2 masih menikmati subsidi daripada Kerajaan.

Di samping itu, Kerajaan masih memberikan bantuan kepada para pengusaha vesel laut dalam Zon C2 berikutan dengan pengurangan kadar subsidi tersebut. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu pengusaha vesel laut dalam Zon C2 ini adalah seperti berikut:

- a. Meningkatkan insentif tangkapan ikan daripada RM0.10 kepada RM0.20 sekilogram ikan yang didaratkan dan isytiharkan kepada LKIM;
- b. Membayar elaun sara hidup sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik dan pekerja vesel warga tempatan;



- c. Membina kompleks pendaratan ikan yang lengkap bagi memudahkan pengusaha vesel laut dalam mendarat dan memasarkan hasil tangkapan mereka secara berkesan; dan
- d. Menaik taraf pusat pendaratan ikan bagi memenuhi keperluan Kesatuan Eropah (EU) yang membolehkan mereka mengeksport hasil tangkapan ke negara EU yang menawarkan harga yang lebih baik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK BILLY ABIT JOO  
[HULU RAJANG]  
TARIKH 31 OKTOBER 2011  
SOALAN**

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tahap ketersediaan hospital-hospital di negara kita untuk menghadapi malapetaka dalam skala besar sama ada bencana alamiah mahupun disebabkan manusia seperti tsunami atau tindakan terorisme dan apakah latihan yang diberikan kepada kakitangan hospital untuk menghadapi bencana sedemikian.  
Tuan Yang di-Pertua**

Berkaitan pertanyaan YB Hulu Rajang mengenai tahap ketersediaan hospital menghadapi malapetaka berskala besar, untuk makluman hospital dan fasiliti kesihatan kementerian sentiasa berada dalam keadaan bersiapsiaga dalam menghadapi bencana. Pelan tindakan bencana disediakan di peringkat hospital serta negeri. Majlis Keselamatan Negara memainkan peranan yang besar dalam menghadapi bencana yang



bertindak sebagai agensi pusat yang mengkoordinasi aktiviti semasa berlakunya bencana dan ia berpandukan Arahan 20 yang disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Selain daripada itu, latihan persediaan untuk menghadapi bencana juga dilakukan secara berkala untuk kakitangan dengan penglibatan agensi-agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, PDRM serta pertubuhan bukan kerajaan. Di samping, itu Kementerian Kesihatan juga menghantar pakar serta pegawai perubatan untuk menjalani latihan bencana yang diadakan di dalam dan luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**        **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**            **Dato' Kamarul Baharin bin Abbas**  
                                 **[ Telok Kemang ]**

**TARIKH**                **31 Oktober 2011 (Isnin)**

**SOALAN**                **26**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan

- (a) kebenaran dakwaan yang dibuat oleh *Railway Union Malaysia* (RUM) yang mendesak Presiden KTMB agar meletak jawatan kerana bertanggungjawab atas kehilangan RM300 juta wang simpanan dan overdraf KTMB; dan
  - (b) apakah tindakan Kerajaan berkenaan dakwaan tersebut.
- Tuan Yang DiPertua,

## **JAWAPAN**

a) Untuk makluman Yang Berhormat, memang tidak dinafikan bahawa terdapat desakan daripada pihak Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Bhd. (RUM - *Railway Union Malaysia*) mendesak Presiden KTMB agar meletakkan jawatan sebagaimana dilaporkan di dalam akhbar, tabloid, blog serta media alternatif yang lain. Satu piket secara aman telah diadakan bagi menyuarakan desakan tersebut telah diadakan pada 29 Julai 2011 di hadapan bangunan Ibu Pejabat KTMB.

Sungguhpun demikian, kenyataan bahawa desakan RUM tersebut adalah kerana isu kehilangan RM 300 juta wang simpanan dan overdraf KTMB adalah tidak benar. Sebagaimana dilaporkan di dalam media cetak dan alternatif desakan RUM adalah berasaskan kepada penilaian kesatuan yang mendapati beliau tidak menjalankan tugas dengan cemerlang dalam menjana pendapatan yang baik dan menyebabkan KTMB mengalami kerugian.

b) Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil berat akan desakan-desakan yang dikemukakan oleh mana-mana Kesatuan sekerja yang ada membuat aduan dan tuntutan ke atas majikan mereka. Sekiranya apa-apa aduan dan tuntutan tersebut melibatkan kesalahan jenayah, rasuah dan sebagainya, perkara ini akan diperhalusi melalui siasatan lanjut pihak-pihak bertanggungjawab seperti pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**                **LISAN**  
**DARIPADA**                **Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN**  
                                         **(JEMPOL)**

**TARIKH**                      **31.10.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Sekolah Menengah Tingkatan Enam Bandar Seri Jempol hendak dibina dan berapakah kos pembinaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum bercadang untuk mewujudkan Sekolah Menengah Tingkatan Enam Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, bagi menampung keperluan murid yang berkecukupan untuk melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam, Kementerian telah mewujudkan kelas-kelas Tingkatan Enam di SMK Dato' Mansor, SMK Seri Perpatih dan SMK Batu Kikir.

KPM berpandangan bahawa pewujudan kelas-kelas Tingkatan Enam di sekolah-sekolah berkenaan masih dapat menampung keperluan semasa di kawasan Jempol.

HO -£0AIA\*J:  
2? NO.-AUM  
4?

*ner&VP-r*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]  
TARIKH 31 OKTOBER2011  
RUJUKAN : 4299

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) berkenaan dengan kes Aleesha Farhana @ Mohd Ashraf Hafiz dan masyarakat '*transgender*' secara umumnya, adakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang sedia ada bagi membenarkan golongan ini menukar jantina mereka secara sah; dan
- (b) adakah Kementerian membenarkan mereka menukar

**JAWAPAN:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan. nama jantina mereka secara sah pada kad pengenalan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian belum bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. Dalam hal ini, maklumat dalam daftar kelahiran adalah merupakan catatan rekod fakta peristiwa semasa kelahiran itu berlaku, dimana fakta sebenar tidak boleh dipinda kecuali terbukti atas alasan terdapat kesilapan semasa merekodkan daftar kelahiran yang berkenaan manakala, pengeluaran Rad pengenalan adalah berasaskan rekod kelahiran pemohon tersebut yang sebenar tertakluk kepada Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Kementerian juga tidak membenarkan seseorang itu menukarkan jantina atau nama di kad pengenalannya atas alasan pertukaran jantina kecuali terdapat bukti yang sahih bahawa berlaku kesilapan semasa merekod maklumat jantina semasa kelahiran tersebut direkodkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH 31 OKTOBER 2011 (ISNIN )  
DARIPADA Y.B. TUAN TENG BOON SOON  
[TEBRAU]

## SOALAN

Y.B. TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ] ~~MINISTERI~~  
~~PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN~~ menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengawal industri perumahan untuk memastikan pemaju tidak terlalu ghairah membina rumah untuk orang kaya sahaja dan tidak bergantung pada Kerajaan untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang DiPertua,  
**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota pembinaan rumah oleh pemaju-pemaju perumahan swasta adalah ditentukan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah peratusan pembinaan rumah untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana mengikut keperluan di sesuatu kawasan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), **sektor swasta** telah membina sebanyak **54,207 unit rumah kos rendah (RKR)** dan **19,420 unit RKR awam**. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sektor swasta akan terus memainkan peranan penting untuk membina sebanyak **94,059 unit Rumah Kos Rendah** bagi memenuhi permintaan daripada golongan berpendapatan rendah dan setinggan.

t40 .SOALAN •• £0  
WQ:--AUM-

**NO:-WUP—;**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT



PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]  
TARIKH 31 OKTOBER2011  
RUJUKAN 4301

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan ulasan teliti penugasan semula anggota polis di bawah inisiatif PEMANDU sejak 2008:-

- (a) jumlah sebenar anggota ditugas semula berbanding dengan rancangan ikut pasukan terperinci, seperti PGA, marin, logistik, pentadbiran, pengangkutan dan sebagainya; dan;
  - (b) jumlah anggota polis baru direkrut ikut pasukan terperinci, seperti PGA, marin, pentadbiran, logistik, siasatan jenayah, pengangkutan dan sebagainya.
- Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sebanyak 7,402 perjawatan telah dikenalpasti boleh dibuat penempatan semula (*redeployment*) anggota-anggota PDRM yang menjalankan

### JAWAPAN

tugasan pentadbiran kepada tugas kepolisan sebenar di bawah inisiatif pengawaman. Pecahan penempatan semula anggota-anggota PDRM mengikut jabatan adalah seperti berikut iaitu Jabatan Pengurusan sebanyak 1,621 perjawatan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam sebanyak 380 perjawatan, Jabatan Logistik sebanyak 324 perjawatan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil sebanyak 36 perjawatan, Jabatan Siasatan Jenayah 18 perjawatan dan sebanyak 5,023 perjawatan di tempatkan di 14 kontinjen di dalam negara ini.

Bagi menjawab soalan (b) pula, statistik anggota baru mengikut jabatan di dalam PDRM dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

TAHUN	PENEMPATAN								JUMLAH
	PENGURUSAN	KDNKA	LOGISTIK	JSJN	JSJK	JSJ	C/KHAS	PPK	
2008	3952	69	218	13	25				4277
2009	649	500	348	44	3	53	55		1652
2010	5327	368	442	254	1	229	66		6687
2011	3440	67	365	18	43	189	984	10	5116
JUMLAH	13368	1004	1373	329	72	471	1105	10	17732

\* petunjuk:-

- PPK - Pasukan Petugas Khas

WO SOALAN  
:

~~NO. AUM~~

~~NO. AUR:~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]
TARIKH	31 OKTOBER 2011
RUJUKAN	4300

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah wang yang dikutip serta jumlah tunggakan dari saman ekor trafik muai tahun 2006 sehingga tahun 2010.

**JAWAPAN**  
Tuan Wang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gopeng yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, saman ekor yang difahami umum adalah sebenarnya saman yang dikeluarkan oleh Mahkamah berikutan dari satu notis yang dikeluarkan oleh Polis Di Raja Malaysia (PDRM) melalui borang polis yang dikenali sebagai Notis POL 170A.

Sehubungan dengan itu, jumlah wang yang berjaya dikutip dari saman POL 170A mulai tahun 2006 hingga tahun 2010 adalah sebanyak RM827,678,671.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM122,863,036 dikutip pada tahun 2006, tahun 2007 sebanyak RM92,111,140, tahun 2008 sebanyak RM93,211,545, tahun 2009 sebanyak RM115,491,750 dan tahun 2010 sebanyak RM404,001,200.

Bagi jumlah notis saman POL 170A yang masih tertunggak dari tahun 2006 hingga tahun 2007 pula adalah sebanyak 5,190,116 saman. Jumlah tunggakan yang dicatatkan bagi saman yang diisu pada tahun 2006 adalah sebanyak 1,282,052 saman, tahun 2007 sebanyak 1,109,953 saman, tahun 2008 sebanyak 826,077 saman, tahun 2009 sebanyak 868,102 saman dan tahun 2010 adalah sebanyak 1,103,932.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)** \_\_\_\_\_

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA**                    **YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)**

**TARIKH**                      **31 OKTOBER 2011**

**SOALAN**

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyenaraikan program-program bantuan Yayasan Taqwa dan nilai peruntukan yang disalurkan sepanjang tempoh 2010 hingga Ogos 2011 dan nyatakan kekerapan program di Parlimen Jerai.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2010 sehingga Ogos 2011, beberapa program bantuan Yayasan Taqwa telah diadakan di Parlimen Jerai iaitu:

I

- i. Bantuan persekolahan kepada anak-anak yatim dan miskin di Daerah Yan pada 25 Mei 2010.
- ii. Sumbangan kepada Orang Kurang Upaya (OKU), ibu tunggal, anak yatim dan miskin sempena sambutan Aidilfitri 2010 di Guar Chempedak pada 2 Okt. 2010.

NO. SOALAN: 32.

- iii. Bantuan kewangan kepada sekolah, surau, rumah anak yatim, maahad dan Pusat Dalam Komuniti yang memohon bantuan bagi membiayai sebahagian dari program yang mereka jalankan. Bantuan ini diberikan sepanjang tahun mengikut permohonan (sehingga Ogos 2011).

Jumlah keseluruhan bantuan yang disampaikan bagi program-program bantuan tersebut adalah sebanyak RM300,180.00. Manakala bagi kekerapan program yang diadakan di Parlimen Jerai, ianya adalah berdasarkan permohonan daripada pihak di kawasan parlimen berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Wo • CoAlAt'1: 3 3  
~~NQ. AUM: 25~~

■NO. AUP:-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT  
[KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH 31 OKTOBER 2011**

**RUJUKAN : 4144**

**SOALAN:**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan akan membentangkan pindaan Rang Undang-undang ISA sebagaimana yang dijanjikan oleh Perdana Menteri pada tahun 2009. Apa status terkini pindaan tersebut.  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

SOALAN NO 31  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mana ini, sebagaimana yang dimaklumi, Y.A.B Perdana Menteri telah mengumumkan pembentangan akan dibuat di parlimen untuk pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan juga penamatan proklamasi darurat. **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
Ini menunjukkan kesanggupan kerajaan untuk mengangkat taraf sistem undang-undang negara ke arah yang lebih demokratik.

Namun demikian, atas keprihatinan terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam, dua Akta baru akan digubal menggantikan ISA dan Akta undang-undang pencegahan lain dimana dua akta ini akan mengambikira keperluan semasa dari semua aspek samada dari segi keselamatan mahupun kebebasan sivil.

KDN dan PDRM berperanan menyalurkan maklumat berkaitan keselamatan negara manakala Peguam Negara akan menggubal Akta-akta berkenaan. Pengumuman selanjutnya akan dibuat oleh Peguam Negara setelah selesai menggubal akta-akta berkenaan.

DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]

TARIKH 31 OKTOBER 2011

SOALAN:

DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah anggaran kos



## **JAWAPAN**

keseluruhan biometrik seandainya Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menggunakan kaedah tersebut dalam PRU13 nanti.

SOALAN N0.34

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah memaklumkan bahawa mereka sedang di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya. Justeru tidak timbul soal kos perbelanjaan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagaimanapun, kaedah sedia ada yang diamalkan pada masa ini, masih lagi relevan dan selamat serta menjamin ketelusan proses pengundian yang dilaksanakan.

Pun begitu, sekiranya Ahli Yang Berhormat berpendapat proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi. maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.



SOALAN NO.35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]

TARIKH 31 OKTOBER2011

SOALAN:

TUAN KARPAL SINGH minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia dengan sokongan pembangkang untuk meminda Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan bagi tidak menghadkan pilihan raya kecil bagi kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat yang perlu diisi. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

SOALAN NO.35

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang meminda undang-undang berhubung dengan keperluan dan tempoh masa bagi mengadakan pilihan raya kecil apabila berlaku sesuatu kekosongan luar jangka di kalangan ahli Dewan Rakyat, seperti yang telah diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 12(3) Akta Pilihan Raya 1958.

Pun begitu, sekiranya Ahli Yang Berhormat berpendapat proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi, maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA **DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB**  
**[ BALING ]**

TARIKH **31 OKTOBER 2011**

SOALAN NO.36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN:

DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun sebagaimana berlaku di kebanyakan negara di dunia seperti Thailand dan Sri Lanka. Jika tidak, kenapa.



SOALAN NO.36

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Fasal (1) Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas, menetap di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih, layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Justeru itu, cadangan untuk menurunkan usia pengundi di bawah daripada usia yang telah ditetapkan tidak boleh dilakukan kecuali sekiranya pindaan Perlembagaan dibuat bagi tujuan tersebut.

Pada masa ini kumpulan belia yang berusia 18 tahun sebahagian besarnya masih berada di bangku persekolahan atau pusat pengajian tinggi. Alamat mereka semasa menuntut mungkin tidak lagi sama dengan alamat yang terdapat dalam MyKad mereka, sekali gus boleh menyumbang kepada kemungkinan kegagalan mereka untuk mendaftar diri sebagai pemilih disebabkan alamat mereka yang berbeza dengan alamat asal. Dalam pada itu, sekiranya mereka



### SOALAN NO.36

berjaya mendaftar diri di alamat asal, kedudukan mereka sebagai pelajar di alamat baru yang berjauhan dari alamat asal mungkin boleh menyumbang kepada kegagalan mereka untuk balik mengundi pada hari pengundian. Keadaan ini boleh menyumbang kepada peningkatan peratusan mereka yang gagal keluar pada hari pengundian.

**SOALAN NO.36**

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 37

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**

**DARIPADA**                     **Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**  
                                      **(SIK)**  
**LISAN**

**TARIKH**                       **31.10.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan di bawah PPSMI Kerajaan memberi bayaran BISP untuk guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris sebelum PPSMI dimansuhkan. Guru-guru tidak lagi mengajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris tetapi bayaran ini masih diteruskan. Adakah Kementerian sedar soal ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) adalah selaras dengan pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). BISP diberikan kepada PPP yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris atau menggunakan kelayakan bidang tersebut dalam tugas rasmi mereka.

Perubahan terhadap dasar PPSMI dan pelaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) telah diputuskan oleh Jemaah Menteri untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat (*Soft Landing*) bertujuan untuk membantu guru dan murid

menyesuaikan diri dengan perubahan dasar berkenaan. Dengan mekanisme ini, pengajaran dan pembelajaran subjek Sains dan Matematik masih boleh dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris mengikut peringkat persekolahan sehingga tahun 2015. Perkara ini telah dimaklumkan oleh Kementerian melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2010 (Pelaksanaan dasar MBMMBI) bertarikh 25 Januari 2010.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian sedang mengkaji pelaksanaan pembayaran BISP supaya bersesuaian dengan perubahan dasar PPSMI kepada MBMMBI.

**SOALAN NO: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

TARIKH: 31 OKTOBER 2011

SOALAN:

**Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai kuota mengenai pengambilan pekerja tempatan dan pekerja asing, di mana kuotanya adalah untuk setiap 1 pekerja tempatan, majikan dibenarkan mengambil 2 pekerja asing.

PR-1243-L45376

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Proses pengambilan pekerja asing di Malaysia adalah mengikut kriteria dan syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Kriteria dan syarat kelayakan ini telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) pada 5

Julai 2005 . Keputusan ini dibuat secara bersama oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam proses pengambilan pekerja asing pada masa itu iaitu :

- i. Kementerian Dalam Negeri;
- ii. Kementerian Sumber Manusia;
- iii. Kementerian Industri, Perdagangan dan Antarabangsa;
- iv. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; dan
- v. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

2. Kriteria dan syarat kelayakan untuk pengambilan pekerja asing ini dibuat berdasarkan sektor-sektor utama iaitu:

**a) Sektor Perkilangan.**

Bagi sektor perkilangan syarat dan kriteria telah dibahagikan kepada 3 kateori iaitu:-

- i) Syarikat berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada tiga pekerja asing (1:3);
- ii) Syarikat bukan berorientasikan eksport iaitu nisbah kelayakan ialah satu pekerja tempatan kepada satu pekerja asing (1:1); dan
- iii) Syarikat dalam sektor elektrik dan elektronik iaitu nisbah kelayakan ialah dua pekerja tempatan kepada satu pekerja asing adalah (2:1)

Selain daripada itu, nilai eksport, peratusan eksport, nilai kandungan tempatan dan nisbah pelaburan modal turut diambilkira dalam

penentuan kriteria syarat kelayakan bagi majikan yang memohon.

#### **b) Sektor Perkhidmatan**

Terdapat 14 sub sektor di bawah sektor perkhidmatan. Walaubagaimanapun, hanya tiga (3) sahaja yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing iaitu:-

##### **i. Restoran**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sub sektor ini adalah berdasarkan bilangan kerusi Pada masa ini, hanya jawatan tukang masak sahaja yang dibenarkan manakala jawatan pembantu am bagi restoran adalah dibekukan.

##### **ii. Pembersihan/Pencucian**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing untuk sub sektor ini adalah berdasarkan nilai kontrak sebulan.

##### **iii. Pulau Peranginan**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jumlah bilik.

Sub sektor yang masih dibekukan adalah dobi. pengendalian karqo. rumah kebajikan. runcit dan boronq. tekstil. tukang emas, tukang qunting dan loqam/baranq lusuh/kitar semula.

#### **c) Sektor Pembinaan**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sektor ini adalah berdasarkan jenis proiek pembinaan. tempoh dan

nilai proiek.

**d) Sektor Perladangan**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing bagi sektor ini adalah berdasarkan jenis tanaman, keluasan ladang dan bilangan pekerja sedia ada.

**e) Sektor Pertanian**

**i. Seksyen Tanaman**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis tanaman dan keluasan tanah

**ii. Seksyen Perikanan**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis ternakan (ikan) dan keluasan permukaan air atau bilangan benih sebulan

**iii. Seksyen Penternakan**

Kriteria dan syarat kelayakan untuk menggajikan pekerja asing adalah berdasarkan jenis ternakan dan bilangan ternakan. Selain itu, jenis kerja yang dilakukan untuk seksyen ternakan juga diambilkira dalam menentukan kelayakan majikan untuk menggajikan pekerja asing.



Tuan Yang Dipertua,

3. Rasional penetapan kriteria dan syarat kelayakan terutamanya sektor perkilangan iaitu nisbah 2:1 adalah bertujuan melancarkan keperluan industri terhadap gunatenaga memandangkan sektor elektrik dan elektronik adalah salah satu sektor yang berkembang dengan cepat dan pesat dan menjadi penggerak kepada kadar pertumbuhan ekonomi Negara dalam menjadi Negara maju menjelang tahun 2020. Walaupun penetapan kriteria seumpama ini ditetapkan, Kerajaan tidak sekali-kali akan menafikan hak rakyat tempatan dan sentiasa melindungi hak mereka dengan memberikan

4. Disamping itu juga, bagi memastikan majikan yang menggajikan pekerja asing tidak terus menawarkan kadar upah yang rendah, Kementerian Sumber Manusia turut menitikberatkan kadar gaji pokok yang ditawarkan oleh majikan kepada pekerja. Oleh itu, salah satu kriteria yang diambilkira oleh Kementerian dalam menyokong permohonan majikan untuk menggajikan pekerja asing adalah jumlah gaji pokok yang ditawarkan. Sekiranya gaji pokok yang ditawarkan kepada pekerja adalah rendah maka majikan diminta untuk menyemak dan menyelaraskan gaji pokok pekerja terutama bagi kategori pekerjaan operator atau pekerja am sebelum sokongan diberikan kepada majikan. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat pekerja tempatan untuk terus bekerja di dalam sektor ini terutamanya sektor perkilangan.



PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

YB DATUK HAJI MOHAMED BIN  
HAJI AZIZ

KAWASAN

SRI GADING

TARIKH

: 31.10.2011 (ISNIN)

YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

menyatakan jumlah pelaburan dari China ke Malaysia dan pelaburan  
Malaysia ke China serta jenis-jenis pelaburan sepanjang tempoh  
2010 dan 2011.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pelaburan dari China ke Malaysia bagi sektor perkilangan  
pada tahun 2010 adalah sebanyak RM639.5 juta. Bagi tempoh

Januari hingga Julai 2011 pula, jumlah pelaburan adalah sebanyak RM1 bilion.

Pada tahun 2010, pelaburan dari China adalah terdiri daripada sektor-sektor berikut:

- produk logam asas dengan jumlah FDI sebanyak RM558.6 juta;
- kelengkapan pengangkutan dengan jumlah FDI sebanyak RM19.3 iuta;
- kayu dan produk kayu dengan jumlah FDI sebanyak RM18.4 iuta;
- produk elektronik dan elektrik dengan jumlah FDI sebanyak RM13.7 iuta; dan
- jentera dan kelengkapan dengan jumlah FDI sebanyak RM9.5 iuta.

Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, pelaburan dari China adalah terdiri daripada sektor-sektor berikut:

- produk logam asas dengan jumlah FDI sebanyak RM899.3 juta;
- kelengkapan pengangkutan dengan jumlah FDI sebanyak RM51 iuta;
- jentera dan kelengkapan dengan jumlah FDI sebanyak RM14.3 juta;
- produk elektronik dan elektrik dengan jumlah FDI sebanyak

RM12.8 juta; dan

- keluaran logam vana direka dengan jumlah FDI sebanyak RM12.6 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Menurut perangkaan imbangan pembavaran negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, nilai pelaburan langsung Malaysia ke China pada tahun 2010 mengikut sektor adalah seperti berikut:

- pembuatan dengan jumlah FDI sebanyak RM220.8 juta;
- perlombongan dan kuari dengan jumlah FDI sebanyak RM 185.1 juta;
- kewangan dan insurans/takaful dengan jumlah FDI sebanyak RM22.6 juta;
- perkhidmatan dengan jumlah FDI sebanyak RM 11.65 juta;
- dan
- pertanian, perhutanan dan perikanan dengan jumlah FDI sebanyak RM2 juta.

Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, nilai pelaburan langsung Malaysia ke China pada tahun 2010 mengikut sektor adalah seperti berikut:

- kewangan dan insurans/takaful dengan jumlah FDI sebanyak RM153.5 iuta:
- pembuatan dengan jumlah FDI sebanyak RM93.5 iuta:
- perkhidmatan dengan jumlah FDI sebanyak RM35.3 iuta:
- perlombongan dan kuari dengan jumlah FDI sebanyak RM8.3 iuta: dan
- pertanian, perhutanan dan perikanan dengan jumlah FDI sebanyak RM6.6 iuta.